

Pembangunan pengangkutan Asean penting, kata Zahid
Malaysian Insider
Nov 5, 2015

Pelan Strategi Keselamatan Jalan Raya Serantau Asean yang akan menjadi standard bagi keselamatan jalan raya negara ahli pertubuhan akan dimuktamadkan, kata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

Beliau berkata strategi yang selari dengan Dekad Tindakan bagi Keselamatan Jalan Raya Pertubuhan Bangsa Bersatu 2011-2020 penting untuk menjaga kebajikan rakyat Asean memandangkan kawasan serantau itu akan terus membangunkan tanah dan infrastruktur pengangkutan.

"Tambahan pula, semasa mesyuarat Menteri Pengangkutan Asean tahun lepas, Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya atau Mios, dilantik sebagai Pusat Keselamatan Jalan Raya Asean dalam menyepadukan usaha negara anggota Asean berhubung hal keselamatan, yang merupakan satu penghormatan," katanya ketika merasmikan Mesyuarat Menteri-menteri Pengangkutan Asean ke-21 hari ini.

Zahid berkata, pembangunan infrastruktur pengangkutan darat penting bagi meningkatkan mobiliti dan mencapai integrasi lebih besar dan kesalinghubungan antara mod dalam rantau Asean.

"Pertalian tertentu dipertingkatkan, seperti pasaran langit terbuka dan penerbangan tunggal Asean, Rangkaian Lebuh Raya Asean, laluan rel Singapura-Kunming, dan infrastruktur logistik dan pelabuhan yang begitu baik di Asean, akan meningkatkan kemungkinan untuk perdagangan dan pelancongan pada skala serantau dan global," katanya.

Beliau berkata, sebahagian daripada Pelan Induk Kesalinghubungan Asean juga akan memudahkan kerjasama dan penglibatan yang lebih besar di Asean.

Zahid berkata, komponen utama dalam penubuhan Komuniti Ekonomi Asean (AEC) adalah liberalisasi sektor penerbangan Asean, yang akan menjadi pemangkin ketara pertumbuhan ekonomi di rantau ini pada 2030.

"Saya gembira dengan kemajuan yang dicapai dalam pelaksanaan pelan tindakan Pasaran Penerbangan Tunggal Asean (Asam).

"Usaha untuk merealisasikan penubuhan Asam, serta pengesahan penuh dan pelaksanaan Perjanjian Langit Terbuka Asean, adalah amat penting," kata Zahid.

Beliau berkata adalah penting untuk mengukuhkan inisiatif teknikal lain, seperti pengurusan trafik udara, kerjasama keselamatan dan keselamatan penerbangan. – Bernama, 5 November, 2015.

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pembangunan-pengangkutan-asean-penting-kata-zahid>